

LATIHAN PENGUKUHAN 1.1 SOALAN OBJEKTIF

1. Antara berikut, yang manakah merupakan gabungan kuantiti asas yang benar bagi kuantiti fizik berikut:

	Kuantiti Fizik	Kuantiti Asas
I	Haba	Jisim, masa, suhu
II	Kuasa	Jisim, panjang, masa
III	Tenaga	Jisim, panjang
IV	Cas	Arus, masa

- A** I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
2. Sebuah blok kayu mempunyai ukuran $20 \text{ mm} \times 12.5 \text{ cm} \times 0.3 \text{ m}$. Isipadu blok kayu itu dalam unit SI ialah
- A** $7.5 \times 10^4 \text{ m}$
B $7.5 \times 10^2 \text{ m}$
C $7.5 \times 10^{-4} \text{ m}$
D $7.5 \times 10^{-6} \text{ m}$
3. Antara berikut, yang manakah pasangan faktor gandaan dan imbuhan yang benar.

	Faktor gandaan	Imbuhan
A	10^6	Mega
B	10^{-3}	senti
C	10^{-2}	hekto
D	10^{-9}	deka

4. Antara berikut, yang manakah kuantiti skalar?
- A Kerja
 - B Daya
 - C Berat
 - D Momentum
5. 108 km j^{-1} adalah bersamaan dengan
- A 20 ms^{-1}
 - B 30 ms^{-1}
 - C 50 ms^{-1}
 - D 60 ms^{-1}
6. Antara berikut, yang manakah merupakan unit bagi kuantiti asas?
- I cd
 - II W
 - III Pa
 - IV mol
- A I
 - B II dan III
 - C I dan IV
7. Antara berikut, yang manakah menunjukkan hubungan antara kuantiti asas untuk daya?
- A $\frac{\text{masa} \times \text{masa}}{\text{panjang} \times \text{jisim}}$
 - B $\frac{\text{jisim} \times \text{panjang}}{\text{masa} \times \text{masa}}$
 - C $\frac{\text{jisim}}{\text{panjang} \times \text{panjang} \times \text{panjang}}$
 - D $\frac{\text{jisim} \times \text{panjang}}{\text{panjang} \times \text{panjang} \times \text{masa}}$

8. Unit bagi tekanan dan isipadu masing-masing ialah Nm^{-2} dan m^3 . Unit bagi hasil darab tekanan dan isipadu adalah bersamaan dengan
- A Kerja
 - B Daya
 - C Pecutan
 - D Momentum
9. Antara berikut, kuantiti terbitan yang manakah adalah gabungan tiga kuantiti asas?
- A Laju
 - B Kuasa
 - C Isipadu
 - D Ketumpatan
10. Suatu kuantiti fizik diberikan oleh persamaan $b = \sqrt{2mk}$. Unit bagi k ialah $kg\ m^2s^{-2}$ manakala unit bagi m ialah kg . Apakah unit SI bagi b?
- A $kg\ m\ s^{-1}$
 - B $kg\ m\ s^{-2}$
 - C $kg\ m^2s^{-3}$
 - D $kg^2\ m^2s^{-2}$